

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 3 (9)

Tarikh : 14 Mei 2020

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 4/2020

PENGECUALIAN KURSUS KAEDAH PENYELIDIKAN (RESEARCH METHODOLOGY, RM) BAGI PROGRAM KEDOKTORAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada penguatkuasaan dokumen Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran melalui Pekeliling MQA Bil. 1/2013 bertarikh 4 Mac 2013 telah mewajibkan pengambilan kursus Kaedah Penyelidikan (RM) bagi pelajar yang mengikuti program Sarjana dan Kedoktoran.

3. Dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2020 bertarikh 10 Mac 2020 telah bersetuju di atas penambahbaikan ketetapan mewajibkan pengambilan kursus RM seperti berikut:

- 3.1 Pelajar yang telah mengikuti kursus RM semasa pengajian program Sarjana boleh dikecualikan daripada mengambil kursus tersebut semasa pengajian program Kedoktoran sama ada secara kerja kursus, mod campuran, penyelidikan atau kerja diterbitkan.
- 3.2 Pertimbangan pengecualian dilaksanakan mengambil kira perkara berikut:
 - i. Nilai kredit kursus RM program Sarjana adalah sama atau lebih daripada nilai kredit kursus RM program Kedoktoran.
 - ii. Kerelevanan dan kekinian ilmu dan kemahiran RM peringkat sarjana berdasarkan kepada keperluan pengajian pada peringkat kedoktoran.
- 3.3 Pertimbangan pengecualian boleh dilaksanakan sama ada pelajar melanjutkan pengajian program kedoktoran di PPT yang sama atau berpindah ke PPT lain.

4. Bagi memastikan pelajar program Kedoktoran mempunyai kompetensi yang diperlukan bagi menjalankan penyelidikan, ianya perlu disokong dengan mana-mana satu (1) kaedah atau kombinasi beberapa kaedah seperti berikut:

- 4.1 *Proposal defense* oleh pelajar pada peringkat awal pengajian yang akan memastikan pelan pengajian lengkap dan mempunyai *academic merit*.
- 4.2 Menduduki peperiksaan formal seperti *Qualifying Examination* bagi menguji kompetensi pelajar dan penguasaan konsep dalam bidang penyelidikan.
- 4.3 Mengikuti sebarang bentuk kursus/latihan yang meningkatkan kompetensi pelajar dalam menjalankan penyelidikan program Kedoktoran sama ada secara umum atau spesifik.

5. Untuk makluman juga, PPT bertanggungjawab memastikan kompetensi yang diperlukan oleh pelajar dicapai bagi membolehkan pelajar menamatkan pengajian program Kedoktoran dengan jayanya.

6. Pelaksanaan ini berkuat kuasa daripada tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. IR. DR. KHAIRUL SALLEH BIN MOHAMED SAHARI)

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti)

(Menjalankan Tugas Ketua Pegawai Eksekutif)

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 4, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Terengganu
21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
43400 SERDANG, SELANGOR
10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Presiden
Universiti Multimedia
Persiaran Multimedia
63100 CYBERJAYA, SELANGOR
11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN
12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR